

SULIT

NAMA:.....

KELAS : .....



**JABATAN PELAJARAN NEGERI SABAH**

**SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2010**  
**EXCEL 2**  
**BAHASA MELAYU**  
**Kertas 1**  
**OGOS 2010**

**1103/1**

2 Jam 15 Minit

Dua jam lima belas minit

---

**JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU**

- 1. Kertas soalan ini mengandungi dua bahagian: **Bahagian A** dan **Bahagian B**.*
- 2. Jawab soalan dalam **Bahagian A** dan satu soalan daripada **Bahagian B**.*
- 3. Jawapan boleh ditulis dalam tulisan Rumi atau Jawi.*

---


Kertas soalan ini mengandungi **3** halaman bercetak.

**Bahagian A**

[ 30 markah ]

[ Masa dicadangkan : 45 minit ]

Gambar di bawah menunjukkan sebahagian daripada tempat menarik dan budaya serta kesenian rakyat di Malaysia . Huraikan pendapat anda tentang kelebihan-kelebihan Malaysia sebagai sebuah negara pelancongan . Panjang huraian, **antara 200 hingga 250 patah perkataan.**

**PELANCONGAN DI MALAYSIA****Pulau****Gunung****Wau****Silat**

**Bahagian B**[ 100 *markah* ]

[ Masa dicadangkan : 1 jam 30 minit ]

Pilih satu daripada soalan di bawah dan tulis sebuah karangan yang panjangnya **melebihi 350 patah perkataan**.

- 1 Kebanyakan golongan belia memilih untuk bekerja sendiri berbanding bekerja makan gaji.

Jelaskan faedah-faedah bekerja sendiri.

- 2 Sebagai pegawai kesihatan, anda telah dijemput oleh Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) di tempat anda untuk menyampaikan sebuah ceramah yang bertajuk “Keluarga Memainkan Peranan Penting Melahirkan Anak-anak yang Cemerlang”. Tulis ceramah itu selengkapnya.

- 3 Penyakit berbahaya semakin mengancam kesihatan rakyat Malaysia akibat amalan dan corak hidup yang tidak sihat.

Huraikan langkah-langkah untuk menangani masalah ini.

- 4 Demi memenuhi persaingan dalam pelbagai aspek di peringkat global, penguasaan teknologi maklumat amat diperlukan. Namun demikian, ia juga meninggalkan pelbagai kesan kepada masyarakat sejagat.

Huraikan kesan-kesan tersebut.

- 5 Puisi tradisional seperti pantun, seloka, gurindam dan syair merupakan warisan bangsa yang perlu dipertahankan.

Jelaskan usaha-usaha yang perlu dilaksanakan bagi memastikan puisi tradisional tidak pulus ditelan zaman.

**KERTAS SOALAN TAMAT**